

**PANDUAN PELAKSANAAN PRAKTIKUM
KURSUS HUBUNGAN ETNIK (SHE101/2)
SEMESTER 1, SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

Penyelaras (di Pusat Pengajian): Dr. Yazariah Mohd Yatim

Kuliah: Dikendalikan oleh staf akademik Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Penyeliaan: Dikendalikan oleh staf akademik Pusat Pengajian Sains Matematik (PPSM).

Semua staf terlibat, kecuali mereka yang bercuti sabatikal dan menjadi tutor kursus WUS101.

PENGENALAN

Kursus ini bernilai 2 unit dan kursus **WAJIB** untuk semua pelajar USM. Ia merupakan sebahagian kursus Universiti (kod U) dan gred minimum yang harus dicapai oleh pelajar ialah gred C. Pelajar yang gagal mencapai gred minimum wajib mengulang kursus ini sehingga mencapai gred yang dikehendaki.

Kursus ini dikendalikan dalam dua bentuk iaitu:

- Kuliah (7 minggu)
- Projek Praktikum dan Pembentangan

SINOPSIS DAN TUJUAN KURSUS

Kursus ini membincangkan konsep asas, latar belakang dan realiti sosial masa kini hubungan etnik di Malaysia dari perspektif kesepaduan sosial. Tujuan kursus ini ialah memberikan kesedaran dan penghayatan dalam mengurus kepelbagaian ke arah pengukuhan negara bangsa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti individu, berpasukan dan semangat kesukarelaan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat mengamalkan nilai-nilai murni, mempunyai jati diri kebangsaan dan menerima kepelbagaian sosio-budaya etnik di Malaysia

Pada akhir kursus, pelajar dapat:

- a) Membincangkan isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia
- b) Menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelawan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab
- c) Membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik

PENILAIAN KURSUS

Penilaian kursus SHE101 adalah seperti berikut:

KOMPONEN		AGIHAN MARKAH (%)	
KERJA KURSUS	Projek Praktikum: Esei/Video/Aktiviti masyarakat/Tugasan	30	70
	Pembentangan	30	
	Aktiviti MOOC	10	
PEPERIKSAAN (40 soalan objektif)		30	
JUMLAH		100	

▪ **Projek Praktikum**

Setiap kumpulan bebas menentukan topik/projek (dengan panduan penyelia). Namun perlu dipastikan agar elemen unsur jati diri kebangsaan, semangat kesukarelaan, patriotisme, kerjasama, tolak ansur, integrasi dan interaksi sosial dapat diwujudkan dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang etnik yang berbeza.

Pelajar dinasihatkan agar memilih topik/projek yang tidak melanggar akidah/kepercayaan agama masing-masing. Topik/projek juga tidak boleh membangkitkan isu-isu sensitif mana-mana pihak/kumpulan etnik.

Antara projek yang boleh dijalankan adalah seperti berikut:

- Esei **DAN** pembentangan
- Video (perlu ringkasan laporan) **DAN** pembentangan
- Aktiviti masyarakat (perlu ringkasan laporan) **DAN** pembentangan
- Tugas projek sama ada bersama komuniti/di makmal/bengkel (perlu ringkasan laporan) **DAN** pembentangan.

▪ **Aktiviti MOOC**

Setiap pelajar perlu menghantar bukti aktiviti tugas/kuiz/perbincangan yang dilakukan di platform MOOC/portal E-Learning. Peratusan markah akan dibahagi dengan bilangan aktiviti yang dilakukan oleh pelajar. Contohnya, jika bilangan aktiviti ialah dua (2) dan pelajar menunjukkan bukti satu (1) aktiviti sahaja, maka peratusan markah yang boleh diberi adalah separuh. Pendaftaran MOOC **TIDAK** dikira. Pemberian markah adalah secara **INDIVIDU** (bukan berkumpulan). Bilangan aktiviti MOOC akan dimaklumkan kelak.

PENYELIAAN DAN PEMANTAUAN PRAKTIKUM

Aktiviti praktikum dijalankan dalam bentuk gerak kerja luar bilik kuliah. Maka sistem pemantauannya adalah berasaskan interaksi penyelia dengan kumpulan pelajar seliaannya.

- Praktikum akan dijalankan secara berkumpulan. Setiap kumpulan akan diselia oleh seorang pensyarah yang dilantik.
- Pelajar boleh mendapatkan nama penyelia kumpulan pada awal semester. Senarai kumpulan akan dipaparkan di papan kenyataan Pejabat Am dan di laman sesawang PPSM.
- Setiap kumpulan dikehendaki menjalankan kajian dan menyediakan satu projek yang sesuai. Setiap kumpulan akan memilih tajuk projek mengikut tema tertentu dengan nasihat penyelia.
- Setiap kumpulan perlu menyediakan kertas cadangan projek dan perancangan aktiviti kepada penyelia. Penyelia akan memantau kemajuan aktiviti praktikum. Pelajar dinasihatkan berjumpa dengan penyelia dari semasa ke semasa.
- Di akhir kursus, esei atau ringkasan laporan (bagi yang memilih video/aktiviti masyarakat/tugas projek) perlu diserahkan kepada penyelia beserta salinan lembut (*soft copy*) esei/ringkasan laporan dalam bentuk CD dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum.
- Setiap kumpulan membentangkan hasil projek praktikum kepada penyelia.

- Projek tersebut akan dinilai berdasarkan komponen-komponen berikut pada **kadar asas 100%**. Penilaian komponen akhir kerja kursus dibuat dalam bentuk **GRED**. Sebagai contoh, jika **pelajar memilih membuat esei**, pembahagian markah adalah seperti berikut:

KOMPONEN KERJA KURSUS	MARKAH
<p>KERTAS CADANGAN Kandungan: Pengenalan, objektif, metodologi, hasil projek yang dijangkakan dan peranan ahli dalam projek tersebut. Tidak melebihi 5 muka surat.</p>	10
<p>ESEI Kandungan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Abstrak • Pengenalan • Objektif kajian • Metodologi/Kaedah yang digunakan • Dapatan kajian dan analisisnya • Kesimpulan <p>Perincian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu kertas laporan bertulis • 15 hingga 25 muka surat (tidak termasuk lampiran) • Saiz fon: 12 (Times New Roman) • Bertaip selang dua baris <p>Esei diserahkan beserta <i>soft copy</i> (dalam bentuk CD) dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum.</p>	33
PEMBENTANGAN	43
<p>AKTIVITI MOOC Setiap pelajar dalam kumpulan perlu menghantar bukti aktiviti MOOC masing-masing.</p>	14
JUMLAH	100

PEMBIAYAAN

Sekiranya pelaksanaan aktiviti projek melibatkan kewangan atau sebarang kos yang lain, ia hendaklah ditanggung oleh kumpulan pelajar sendiri.

PERINGATAN

**GRED F (GAGAL) AKAN DIBERI SEKIRANYA TERDAPAT
 UNSUR PLAGIAT DALAM TUGASAN**

**JADUAL PELAKSANAAN PRAKTIKUM
KURSUS HUBUNGAN ETNIK (SHE101/2)
SEMESTER 1, SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

MINGGU	TARIKH	AKTIVITI
0	2/9/2019– 8/9/2019	Pelajar mendapatkan maklumat pelaksanaan kursus SHE101 melalui laman sesawang/Facebook PPSM
1	9/9/2019 – 15/9/2019	Pertemuan pelajar dengan penyelia Sila rujuk papan kenyataan penyelia (pensyarah) masing-masing untuk notis perjumpaan pertama
2	16/9/2019 – 22/9/2019	Perbincangan dalam kumpulan Penetapan topik/aktiviti projek bersama penyelia
3	23/9/2019 – 29/9/2019	Penyediaan kertas cadangan projek
4	30/9/2019 – 6/10/2019	Kertas cadangan projek dihantar kepada penyelia
5 - 7	7/10/2019 – 27/10/2019	Kajian lapangan
8	28/10/2019 – 3/11/2019	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER
9	4/11/2019 – 10/11/2019	Kajian lapangan
10	11/11/2019 – 17/11/2019	Penulisan esei/ringkasan laporan
11 - 12	18/11/2019 – 1/12/2019	Pengemaskinian dan penyemakan esei/ringkasan laporan
13	2/12/2019 – 8/12/2019	Esei/ringkasan laporan diserahkan kepada penyelia bersama <i>soft copy</i> (CD) dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum
14	9/12/2019 – 15/12/2019	Pembentangan hasil projek kepada penyelia Penilaian dan pemarkahan oleh penyelia
15	16/12/2019 – 22/12/2019	Penyelia menyerahkan gred kepada Puan Nor Izzati beserta <i>soft copy</i> esei/ringkasan laporan (CD) dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum
16	23/12/2019 – 29/12/2019	MINGGU ULANG KAJI